

1

Anda bertanggungjawab menjaga keselamatan anda dan keluarga anda semasa bencana

PENTING!!

Komuniti adalah penggerak CBDRR dan ambil tindakan sewajarnya kerana bencana berlaku di sekitar anda

2

Jadilah Juara CBDRR dan galakkan jiran anda turut serta

3



For more information, contact:

JPP SeDAR (Malaysia)
Disaster Preparedness & Prevention Centre (DPPC)
Malaysia – Japan International Institute of Technology (MJIIT)
Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur
Tel: 03-41475886 www.jpdsedar.net.my



**AYUH BERSAMA
KURANGKAN RISIKO
BENCANA
DALAM KOMUNITI KITA**



PENGLIBATAN ANDA DALAM DRR AMAT BERMAKNA UNTUK KOMUNITI ANDA. TINDAKAN ANDA BOLEH BAWA PERUBAHAN

Apa Yang Dimaksudkan Dengan DRR dan Mengapa ia Penting?

DRR adalah kegiatan dan amalan untuk **mengurangkan risiko dan kesan bencana**. Ianya penting kerana ia adalah tindakan yang anda ambil sebelum bencana berlaku. Anda akan lebih proaktif dan tertumpu kepada kegiatan pencegahan dan tidak membiarkan bencana menimpa anda. Kos mencegah adalah lebih rendah dari bertindak balas semasa bencana berlaku dan mengurangkan tekanan ke atas anda.

DRR Berasaskan Komuniti (CBDRR) & Mengapa ia Penting Untuk Anda

CBDRR sebenarnya bermakna, sebagai **ahli komuniti, penglibatan anda amat penting ke arah mengurangkan risiko bencana di sekitar anda**. Anda lebih faham dan kenal persekitaran anda dan akan lebih peka jika sesuatu yang pincang. Komuniti amat digalakkan untuk berkerjasama dengan pihak kerajaan tempatan dan responden kecemasan pertama. Jadilah juara CBDRR dalam komuniti anda.

ANDA BOLEH LIBATKAN DIRI DENGAN CBDRR



1 FAHAM BAHAYA & RISIKO DI SEKITAR ANDA

- Kenalpasti bahaya dan risiko disekitar anda dan kongsi kebimbangan anda bersama jiran anda
- Sentiasa berwaspada kerana bencana mungkin terjadi jika tiada tindakan pencegahan



2 PEMETAAN BAHAYA DAN RISIKO

- Kerjasama dengan jiran anda untuk hasilkan satu peta yang menunjukkan tempat-tempat yang bahaya dan berisiko, tempat selamat dan tempat berguna semasa kecemasan

3 PELAN DAN TINDAKAN

- Gunakan peta komuniti sebagai rujukan untuk mengenal pasti masalah yang mungkin membawa kepada bencana
- Bincangkan penyelesaian yang sesuai sesama sendiri dan atur satu pelan tindakan. Ini menjadikannya satu pelan tindakan komuniti yang melibatkan semua ahli komuniti.

